



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : PENGAJIAN MALAYSIA**  
**KOD KURSUS : MPU2123 / MPU1013**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (60 Markah)  
BAHAGIAN C (20 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 14 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*



**BAHAGIAN A [ 20 MARKAH ]**

Jawab **semua** soalan.

1. Siapakah ketua kerajaan bagi Kesultanan Melayu Melaka?
  - A Sultan.
  - B Bendahara.
  - C Temenggung.
  - D Yang di-Pertuan Agong.
  
2. Mengapakah lembah sungai menjadi pusat pembentukan tamadun awal manusia?
  - A Kubu pertahanan.
  - B Kesuburan tanah.
  - C Keluasan kawasan.
  - D Keamanan persekutuan.
  
3. Mengapakah British menubuhkan Malayan Union di Tanah Melayu pada tahun 1946?
  - A Memastikan kuasa sultan terpelihara.
  - B Menghapuskan ancaman kuasa asing.
  - C Menghapuskan negara dan bangsa Melayu.
  - D Mendapatkan sokongan masyarakat tempatan.
  
4. Gagasan Malaysia telah ditentang hebat oleh Filipina di bawah pimpinan Presiden Diosdado Macapagal kerana
  - A menganggap keselamatan Filipina terancam.
  - B menganggap ia akan menyekat pembentukan Filipina.
  - C menganggap berlaku persaingan ekonomi dari Malaysia.
  - D menganggap tuntutan ke atas Sabah akan menimbulkan masalah.

5. Apakah tanggungjawab Suruhanjaya Perkhidmatan Awam?
- A Melaksana dasar kerajaan.
  - B Mengurus pentadbiran kementerian.
  - C Memantau disiplin kakitangan awam.
  - D Mengawasi perjalanan jabatan kerajaan.
6. Pilih padanan yang betul berkenaan badan pemerintahan dan pentadbiran Negara berdasarkan Rajah 1.

A	Badan Eksekutif.	Menjalankan hukuman.
B	Badan Judisiari.	Membuat undang-undang.
C	Badan Legislatif.	Membentuk undang-undang.
D	Badan Perundangan	Menjalankan proses keadilan

Rajah 1

7. Mengapakah Suruhanjaya Pilihan Raya ditubuhkan?
- A Memilih wakil rakyat.
  - B Menyediakan manifesto parti.
  - C Menjamin pilihan raya yang adil.
  - D Menentukan calon yang bertanding.
8. Manakah yang berikut cara kewarganegaraan di Malaysia diperolehi?
- A Pilihan Raya.
  - B Perlembagaan.
  - C Cantuman Wilayah.
  - D Hak kebebasan asasi.
9. Pada tahun 1932, sistem raja berperlembagaan telah menggantikan sistem raja berkuasa mutlak di Thailand. Kesan utama perubahan itu ialah
- A terhapusnya sistem beraja.
  - B pengaruh pembesar tradisional lenyap.
  - C perubahan pentadbiran kerajaan tempatan.
  - D mengurangkan pengaruh pembesar dan institusi raja.

10. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, kedudukan istimewa orang Melayu merujuk kepada
- A kepentingan kedudukan orang Melayu dalam semua bidang.
  - B mengekalkan kedudukan orang Melayu dalam bidang pentadbiran.
  - C peluang secukupnya kepada orang Melayu dalam bidang ekonomi.
  - D perlindungan kepentingan orang Melayu dalam bidang pendidikan dan perniagaan.

- Arif berumur 47 tahun dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 20 tahun.
- Beliau mendapat anugerah berdasarkan khidmatnya yang cemerlang.
- Beliau telah dilantik menjadi anggota Parlimen.


**Rajah 2**

11. Berdasarkan pernyataan dalam Rajah 2, apakah jawatan yang mungkin disandang oleh Arif?
- A Senator.
  - B Setiausaha.
  - C Menteri Tak Berportfolio.
  - D Ketua Setiausaha Negara.

- Bahasa
- Adat resam
- Pengalaman sejarah


**Rajah 3**

12. Berdasarkan pernyataan dalam Rajah 3, persamaan aspek di atas dalam sesebuah masyarakat akan menyumbang kepada pembentukan
- A bangsa.
  - B negara.
  - C kerajaan.
  - D perlembagaan.



Rajah 4


13. Berdasarkan Rajah 4, apakah X?
- A Bangsa.
  - B Negara.
  - C Kerajaan.
  - D Perlembagaan.



Rajah 5

14. Rajah 5 menunjukkan budaya bagi kaum lain yang telah diamalkan masyarakat Melayu. Apakah tahap hubungan etnik yang sesuai berdasarkan rajah tersebut?
- A Asimilasi.
  - B Akulturasi
  - C Segregasi.
  - D Akomodasi.
15. Manakah antara yang berikut merupakan cabaran globalisasi?
- A Kebolehan berkomunikasi.
  - B Pembelajaran sepanjang hayat.
  - C Kekurangan sokongan pentadbiran.
  - D Berdaya saing dalam kalangan pelajar.

16. Apakah kesan penggunaan kuasa veto kepada penyelesaian masalah pertikaian dunia dalam Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)?
- A Melumpuhkan fungsi Majlis Keselamatan.
  - B Meningkatkan rasa ego kuasa-kuasa besar.
  - C Membolehkan negara besar berkuasa membentuk tindakan.
  - D Merenggangkan hubungan negara kecil dan kuasa besar dunia.
17. Mengapakah Malaysia menunjukkan ketegasannya dalam menyokong isu Palestin?
- A Palestin mempunyai ramai penduduk Islam.
  - B Malaysia menekankan pemeliharaan kedaulatan negara lain.
  - C Malaysia mempunyai kedudukan yang disegani dalam *Organizational Islamic Centre* (OIC).
  - D Hubungan baik pemimpin di Malaysia dengan pemimpin Palestin memperkukuh hubungan bersama.




18. Rajah 6 berkaitan negara Malaysia. Apakah X?
- A Dasar Luar.
  - B Dasar Pasif.
  - C Dasar Agresif.
  - D Dasar Strategik.

- Perayaan ini disambut pada 14 April setiap tahun.
- Penganut perayaan ini akan berkumpul dan menjalani upacara mandi minyak.
- Penganut akan pergi ke rumah ibadat mereka iaitu kuil.

**Rajah 7**

19. Berdasarkan Rajah 7, apakah jenis perayaan yang menggambarkan pernyataan di atas?
- A Ponggal.
  - B Thaipusam.
  - C Tahun Baru India.
  - D Perayaan menyambut dewa.

**Rajah 8**

20. Berdasarkan Rajah 8, apakah kepentingan binaan di atas kepada umat Islam?
- A Binaan terawal di muka bumi.
  - B Kiblat umat Islam untuk beribadat.
  - C Lambang kegamaan tamadun Islam.
  - D Lokasi wahyu pertama yang diturunkan.



## BAHAGIAN B [ 60 MARKAH ]


Jawab **semua** soalan.



**Rajah 9**

1. Pembentukan Malaysia telah diterima pada 16 September 1963 walaupun terdapat pelbagai reaksi dan cadangan pada awalnya.
  - a. Berdasarkan peta dalam Rajah 9, berikan **dua** buah wilayah di kepulauan Borneo yang dicadang bergabung ke dalam Malaysia. (2 Markah)
  - b. Senaraikan **tiga** sebab mengapa British bersetuju dengan pembentukan Malaysia. (3 Markah)
  - c. Berikan **tiga** alasan yang mendorong Singapura di bawah pimpinan Lee Kuan Yew bersetuju menyertai Malaysia? (3 Markah)
  - d. Nyatakan **dua** faktor ekonomi yang mempengaruhi pembentukan Malaysia. (2 Markah)

2.




Rajah 10

Rajah 10 ialah Bendera Kebangsaan atau lebih dikenali sebagai Jalur Gemilang yang merupakan lambang kerajaan Malaysia.

- b. Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan Jalur Gemilang?  
(2 Markah)
- a. Jelaskan maksud bagi lambang bulan, bintang dan bintang pecah empat belas dan lambang pada Bendera Kebangsaan.  
(4 Markah)
- c. Sebagai warganegara Malaysia, jelaskan **dua** sebab anda perlu menghormati Bendera Kebangsaan.  
(4 Markah)

3.




Rajah 11

Rajah 11 telah diisytiharkan pada 31 Ogos 1970 yang menjadi kebanggaan negara untuk mencapai perpaduan.

- a. Berdasarkan Rajah 11, apakah X ?  
(1 Markah)
- b. Nyatakan peristiwa yang telah membawa kepada terbentuknya gagasan di atas?  
(2 Markah)
- c. Pilih **dua** prinsip dan terangkan maksudnya?  
(4 Markah)
- d. Berikan **tiga** objektif penubuhan prinsip tersebut?  
(3 Markah)

4.



Rajah 12

Rajah 12 menunjukkan orang bermain alatan tradisional semasa Istiadat Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

- a. Namakan **dua** alat muzik yang terdapat dalam rajah di atas.  
(2 Markah)
- b. Nyatakan **dua** jenis permainan tradisional yang lain dalam masyarakat berbilang kaum.  
(2 Markah)
- c. Senaraikan **empat** aktiviti yang boleh dilakukan untuk memperkenalkan keunikan kepelbagaian kaum?  
(4 Markah)
- d. Sebagai rakyat Malaysia, berikan **dua** cara untuk menunjukkan perasaan sayang akan warisan kesenian di Malaysia?  
(2 Markah)

5.



Rajah 13

Pilihan Rajah di atas berkaitan pilihan raya di Malaysia.

- a. Apakah maksud sistem majoriti mudah? (1 Markah)
- b. Nyatakan **dua** fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). (2 markah)
- c. Senaraikan **tiga** syarat untuk menjadi pemilih dalam pilihan raya di Malaysia. (3 Markah)
- d. Terangkan **dua** cara-cara mengundi di Malaysia. (4 Markah)

6. Malaysia bekerjasama dengan negara luar bagi membentuk dasar-dasar luar negara bagi tujuan pembangunan negara.
- a. Apakah yang dimaksudkan dengan Dasar Luar Negara.  
(2 Markah)
- a. Nyatakan **empat** faktor yang mempengaruhi pengubalan Dasar Luar Malaysia.  
(4 Markah)
- b. Jelaskan **satu** dasar luar negara yang anda fahami.  
(2 markah)
- c. Nyatakan **dua** langkah yang dilaksanakan oleh Malaysia dalam menghadapi era globalisasi.  
(2 Markah)

**BAHAGIAN C (20 MARKAH)**

Jawab **satu soalan** sahaja.

1. Dunia seringkali dikejutkan dengan aktiviti-aktiviti keganasan yang bersifat zalim seperti pengeboman, pembunuhan dan penculikan. Perbuatan ini mungkin disebabkan oleh perbezaan ideologi politik, kegawatan ekonomi dan sebagainya. Keganasan itu tidak membawa faedah melainkan mengheret negara yang terbabit ke lembah kehancuran. Jelaskan kesan keganasan berserta contoh yang bersesuaian.

(20 Markah)

2. Lambakan graduan yang menganggur di Malaysia adalah disebabkan kurangnya kemahiran insaniah dalam kalangan graduan tersebut. Jelaskan jenis - jenis kemahiran dan cadangkan langkah-langkah untuk mengatasi isu ini.

(20 Markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**

